

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi dan usaha kerajaan dalam mencapai perpaduan ummah.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa perpaduan ummah merupakan tonggak kepada kekuatan sesebuah negara untuk kekal kukuh meneruskan kelangsungan kemajuannya merentasi zaman. Dalam usaha meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam ke arah mewujudkan kesatuan dan perpaduan dalam kalangan umat Islam, Kerajaan telah memperkemas sistem pengurusan dasar, fatwa, garis panduan dan sumber rujukan

berkaitan hal ehwal Islam sebagai panduan. Langkah ini berperanan memandu pemikiran dan tindakan umat Islam agar berfungsi di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuan dengan matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan negara yang seimbang sesuai dengan kehendak dan tuntutan semasa. Justeru, Kerajaan juga telah memperkenalkan konsep Wasatiyyah yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia melalui penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM).

Selain itu, inisiatif turut diambil melalui pemerksaan peranan Badan Perundingan Islam (BPI) yang ditubuhkan pada tahun 1982 dan kini dikenali sebagai Majlis Perundingan Islam (MPI) yang telah ditubuhkan adalah hasil daripada dialog sempena Majlis Pertemuan Tahunan Ulama' dan Umara' bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Disember 2008. Objektif penubuhan Majlis Perundingan Islam (MPI) adalah untuk mengerat dan mengukuhkan kerjasama serta hubungan antara Kerajaan dengan para cendekiawan Islam dan ulama' dalam mencari pendekatan bagi membantu kerajaan merealisasikan agenda transformasi pembangunan negara menurut landasan syara'.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa menekankan isu perpaduan dalam kalangan umat Islam tanpa mengira perbezaan pendapat dan ideologi politik. Penubuhan Sekretariat Ulama' Umara' menjadi wadah perpaduan antara ulama' dan umara' yang berperanan menyusun dan menyelia program seperti dialog, forum dan lain-lain aktiviti melalui kerjasama "*smart partnership*" dengan agensi-agensi kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain bagi merealisasikan matlamat tersebut.

Pada masa yang sama, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) selaku NGO yang mewakili Kerajaan telah menggerakkan beberapa agenda dan program utama menerusi dua sekretariat program yang beroperasi secara harian dan dikendalikan oleh beberapa aktivis dan tokoh penggerak masyarakat, iaitu :

- i) Sekretariat Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) – dengan menumpukan kepada golongan awam dan badan bukan kerajaan, telah berjaya mengadakan Muktamar Majlis Amal Islami Malaysia 2016 di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Program tersebut telah mempertemukan lebih 1,000 orang yang terdiri daripada pimpinan parti politik, pimpinan masyarakat, wakil NGO, para ilmuwan dan aktivis bagi tujuan mengetengahkan pandangan arus perdana umat Islam Malaysia masa kini di dalam rangka penyatuan dan pengukuhan ummah.
- ii) Sekretariat Majlis Dakwah Negara (MDN) - pula mensasarkan kepada golongan cendekiawan, intelektual, pimpinan parti politik, dan juga pimpinan masyarakat di Malaysia. Pada tahun 2016, MDN YADIM telah menganjurkan beberapa siri Persidangan Meja Bulat - Perpaduan Ummah yang telah berlangsung di Kelantan dan di Pulau Pinang. Sekretariat Perpaduan Ummah telah diwujudkan pada Mei 2016 dianggotai oleh tokoh-tokoh berwibawa di dalam pelbagai bidang; khususnya wakil-wakil parti politik di dalam mempromosikan agenda perpaduan ummah. Seramai 70 orang Panel Perunding Perpaduan Ummah (PPPU) telah dilantik. Panel ini adalah merupakan kumpulan pemikir yang akan membantu melaksana dan

menyempurnakan agenda perpaduan ummah di samping berperanan sebagai mediator di antara rakyat dengan pemimpin.

Sesungguhnya dalam mendepani cabaran global masa kini, perpaduan ummah adalah syarat utama ke arah kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan pembangunan modal insan yang menghayati konsep Wasatiyyah ke arah “ *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur*” (negeri yang baik, aman dan makmur).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**
SOALAN : **NO. 357**

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah aduan yang diterima oleh PTPTN. Apakah 5 aduan utama yang melibatkan PTPTN. Nyatakan usaha penyelesaian yang telah dibuat oleh kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada Januari 2016 sehingga Ogos 2016, sebanyak 5,651 aduan telah diterima oleh PTPTN di mana 5 aduan utama adalah mengenai perkara berikut:

- a) peminjam gagal membuat permohonan pinjaman institusi kewangan kerana tersenarai dalam CCRIS;
- b) peminjam tidak dapat ke luar negara kerana sekatan Jabatan Imigresen;
- c) peminjam tidak bersetuju dengan amaun potongan gaji mandatori yang dikenakan;
- d) peminjam tidak berpuas hati dengan kos pentadbiran/ ujarah yang dikenakan; dan
- e) pelajar tidak menerima bayaran pinjaman PTPTN kerana kesilapan mengisi maklumat akaun bank semasa permohonan.

Bagi memudahkan urusan pelanggan dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan, PTPTN telah menyediakan pelbagai saluran untuk peminjam mengenai kesulitan yang dihadapi. Antaranya, peminjam boleh menghubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan (*Careline*) atau melalui media baharu seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*. Peminjam juga boleh hadir ke mana-mana 70 cawangan PTPTN di seluruh negara untuk berunding.